


NAMA: _____ KELAS: _____

SAINS TAHUN 6

UNIT 7: KELAJUAN

Murid-murid diminta untuk menonton video ini sebelum menjalankan penyiasatan dan menjawab soalan di bawah.



MENGAJAI HUBUNGAN ANTARA KELAJUAN DENGAN JARAK

AKTIVITI

(Arahan: Semua murid dikehendaki menjalankan aktiviti ini di kawasan rumah masing-masing dan melengkapkan Jadual A di bawah.)

TUJUAN: Menyiasat hubung kait antara kelajuan dengan jarak

ALAT DAN BAHAN: Kereta mainan, jam, pembaris, dan gelang getah

LANGKAH-LANGKAH:


1. Regangkan dan pintalkan gelang getah dan masukkan pada kaki kerusi. Letakkan kereta mainan di hadapan gelang getah.



2. Tarik kereta mainan bersama gelang getah sejauh 5 cm ke belakang.



3. Lepaskan kereta mainan.



4. Hentikan pergerakan kereta mainan itu selepas 3 saat.



5. Ukur jarak yang telah dilalui oleh kereta mainan itu.



6. Ulangi langkah 1 hingga 4 dengan menarik gelang getah sejauh 10 cm.

7. Rekod jarak yang dilalui oleh kereta mainan itu dalam jadual di bawah.

Jarak gelang getah ditarik (cm)	Jarak yang dilalui oleh kereta (cm)
5	
10	

Jadual A

A. Selepas melakukan aktiviti, sila jawab soalan di bawah ini.

a) Apakah pemerhatian kamu selepas kereta mainan ditarik dan dilepaskan menggunakan gelang getah pada jarak yang berbeza?

b) Berikan inferens ke atas pemerhatian.

c) Apakah hubungan pemboleh ubah dimanipulasi dengan pemboleh ubah bergerak balas dalam penyiasatan ini?

d) Ramalkan jarak yang dilalui oleh kereta mainan sekiranya jarak 15 cm digunakan dalam penyiasatan kamu.

e) Apakah kesimpulan yang boleh dibuat bagi eksperimen ini?

B. Padankan maklumat berikut dengan pemboleh ubah yang betul bagi eksperimen ini.

Maklumat
Jarak yang dilalui
Masa
Kelajuan

Pemboleh ubah
Pemboleh ubah dimanipulasi
Pemboleh ubah bergerak balas
Pemboleh ubah dimalarkan

MENGAJI HUBUNGAN ANTARA KELAJUAN DENGAN MASA

AKTIVITI


(Arahan: Semua murid dikehendaki menjalankan aktiviti ini di kawasan rumah masing-masing dan melengkapkan Jadual B di bawah.)

TUJUAN: Menyasat hubungan antara kelajuan dengan masa

ALAT DAN BAHAN: Kereta mainan, jam, pita pelekat, papan panjang, beberapa buah buku tebal

LANGKAH-LANGKAH:

1. Susun bahan seperti dalam rajah di bawah.



2. Susun 3 buah buku di lantai dan sandarkan papan panjang pada susunan buku-buku itu. Lekatkan pita pelekat pada jarak 30 cm dari papan panjang sebagai penanda garisan penamat.
3. Lepaskan kereta mainan dari atas ke bawah.
4. Catat masa yang diambil oleh kereta mainan untuk tiba di lantai.
5. Ulangi langkah 1 hingga 4 dengan menambah bilangan buku kepada 5 buah buku dan 7 buah buku.
6. Rekod masa yang diambil oleh kereta mainan itu dalam jadual di bawah.

Kereta mainan	Kecondongan landasan / Bilangan buku	Masa yang diambil oleh kereta sampai ke lantai (s)
P	3	
Q	5	
R	7	

Jadual B

C. Selepas melakukan aktiviti, sila jawab soalan di bawah ini.

a) Susun kereta mainan yang akan sampai dahulu kepada yang paling lambat sampai ke lantai.

b) Berikan inferens ke atas pemerhatian.

c) Apakah hubungan antara kelajuan dan masa pergerakan kereta mainan?

d) Apakah kesimpulan eksperimen ini?

D. Padankan maklumat berikut dengan pemboleh ubah yang betul bagi eksperimen ini.

Maklumat
Masa untuk kereta mainan sampai ke lantai
Panjang landasan / Jisim kereta mainan / Jarak yang dilalui oleh kereta mainan
Kecondongan landasan / Bilangan buku

Pemboleh ubah
Pemboleh ubah dimanipulasi
Pemboleh ubah bergerak balas
Pemboleh ubah dimalarkan